

Keselamatan penumpang MRT keutamakan Prasarana

KUALA LUMPUR - Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) komited dalam memastikan perjalanan penumpang Mass Rapid Transit (MRT) lancar dan menepati jangka masa yang telah ditetapkan.

Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Prasarana, Datuk Seri Azmi Abdul

Aziz berkata, perjalanan penumpang haruslah menepati masa yang telah ditetapkan tanpa kompromi.

"Pada waktu puncak, kekerapan tren yang ditetapkan adalah setiap 3.5 minit terutamanya di sekitar ibu kota kerana penumpang akan memenuhi stesen untuk menuju

atau pulang dari tempat kerja.

"Orang ramai tidak perlu risau dengan cabaran masalah teknikal perkhidmatan MRT kerana ujian perjalanan bertaraf antarabangsa sudah dilakukan. Lebih 1,000 komponen tertentu telah diuji oleh jurutera khas selama enam bulan dalam me-

mastikan kesemua tren dapat beroperasi dengan lancar," kata Azmi.

Beliau berkata demikian pada sesi bersama presiden Prasarana di stesen-stesen MRT Fasa kedua di Stesen MRT Merdeka semalam.

Menurut Azmi, bagi waktu biasa pula kekerapannya adalah pada

setiap tujuh minit atau bergantung pada situasi ketika itu.

Tambahnya, selain kelancaran perjalanan, pihaknya memandangkan serius isu keselamatan.

"MRT merupakan tren tanpa pemandu yang dikawal dari bilik kawalan namun sekiranya berlaku sebarang kegagalan sis-

tem, tren akan dihentikan dengan selamat secara automatik tanpa mencederakan penumpang.

"Setiap landasan juga dibina ruang pejalan kaki untuk memudahkan penumpang diselamatkan oleh pasukan petugas terlatih sekiranya berlaku sebarang kecemasan," ujar beliau.